

Dunia Pelajar

Dunia Pelajar

Kelas Belajar Membaca Qur'an di Pahang

(Oleh : Abdullah Saruji)

Semenjak kerajaan persekutuan Tanah Melayu menganjurkan peraduan membaca al-Qur'an dan juga pihak Radio Malaya telah mengadakan siaran Khas berhubung dengan kursus membaca Qur'an telah mulai tertanam di jiwa masyarakat bangsa kita bukan sahaja di kalangan kaum lelaki tetapi jua



Gambar kenangan pelajar-pelajar yang menang dalam peraduan

Jubli Perak Madrasah Al-Khariah Al-Islamiah, Pokok

Sena, Seberang Perai baharu-baharu ini. Dari kiri: Ishak

Ibrahim (sajak), Ahmad Haji Mokhtar (syair), Mahmud

Haji Ismail (bacaan al-Qur'an), Abdul Kadir Awang Kecil

(syarahan) dan Ismail Ahmad seorang peserta dari sekolah Inggeris Butterworth.

di kalangan kaum ibu. Banyak kelas-kelas membaca Qur'an telah dibuka di sana sini. Misalnya sebuah kelas pelajaran membaca Qur'an bagi kaum ibu telah dibuka kira-kira tiga bulan yang lalu bertempat di Kampung Dong, yang terletak kira-kira sembilan batu dari Bandar Raub di Pahang. Semenjak kelas tersebut di buka hingga ke hari ini telah mendapat sambutan baik bukan sahaja penuntut-penuntutnya pemudi-pemudi di wilayah kampung tersebut tetapi jua pemudi-pemudi yang datang di luar mukim kampung.

Saya mengambil kesempatan untuk menulis dari ruangan Qalam ini ialah semata-mata di dorongan oleh semangat cintakan perkembangan kelas membaca Qur'an itu supaya dapatlah kelas-kelas yang seperti itu memberi sumbangan yang besar untuk kemajuan bangsa kita di lapangan pendidikan agama Islam, lebih-lebih lagi kelas tersebut adalah dikhaskan kepada kaum ibu, yang mana kaum ibu jua sekarang di daerah ini tidak ketinggalan daripada kaum bapa. Bukan sahaja di lapangan pelajaran dunia tetapi jua pelajaran yang berhubung dengan akhirat.

Sebelum kelas belajar membaca Qur'an yang dibuka kira-kira tiga bulan yang lalu di Kampung Dong, maka dengan desakan semangat dan azam yang kuat, penduduk-penduduk di kampung tersebut mengadakan perjumpaan ramai yang diketuai oleh Ayup wakil rakyat tempatan. Dengan perjumpaan itulah persetujuan telah di ambil untuk mengadakan kelas tersebut dikhaskan kepada kaum ibu semata-mata. Wan Aminah seorang guru wanita yang ahli di dalam pembacaan al-Qur'an (Johan bacaan Qur'an negeri Pahang yang berturut-turut dua tahun yang lalu) telah

dipersetujui menjadi guru. Kelas ini diadakan pada tiap-tiap hari iaitu sebelah pagi dan sebelah petang kecuali hari Jumaat, sementara murid-murid yang belajar semenjak kelas itu dibuka telah ada seramai lima puluh orang yang terdiri daripada pemudi-pemudi belaka. Mereka dikenakan bayaran bulanan sebanyak tiga ringgit lima puluh sen seorang. Sesungguhnya pelajaran-pelajaran itu dikenakan bayaran untuk memajukan kelas tersebut tetapi pihak pengelolanya adalah mengharapkan juga kerjasama kepada penduduk-penduduk kampung tersebut dan juga penduduk-penduduk yang berhimpun supaya kelas pelajaran Qur'an itu dapat berjalan dengan lancarnya.

Satu jemaah jawatankuasa telah dilantik oleh perjumpaan ramai pada hari penubuhan kelas ini dahulu

untuk mengelolaknya. Setiausahanya ialah Muhammad Din bin Siran.

Demikianlah catitan serba ringkas berhubung dengan kelas bacaan Qur'an di Kampung Dong Raub yang dikhaskan untuk pemudi di wilayah ini. Mudah-mudahan kelas tersebut akan dapat berjalan dengan lancar demi pelajaran dan pendidikan pemudi-pemudi atau kaum ibu kita di dalam zaman pembangunan sekarang. Lebih-lebih lagi di saat kerajaan menganjurkan perpaduan Qur'an yang dimulakan semenjak dua tahun yang lalu sebagai satu syiar agama kita yang maha suci dan juga sebagai satu pendorong atau tarikan kepada masyarakat kita untuk mempelajari al-Qur'an yang menjadi tuntutan agama kita yang maha suci.



Pelajar-pelajar Madrasah Al-Wustā, Temerloh, Pahang, Bahagian (KPJ) bergambar untuk kenangan. Duduk dari kiri:

Ishak, Aminullah, Fauzi Salahuddin Kadam, Mokhtar dan Ghazali. Barisan belakang dari kiri :

Zainuddin, Muhammad Piyah, Ali, Muhammad Amin dan Ismail.